

Disediakan untuk : _____

Tarikh dicetak pada: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans kebakaran. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am).

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Kami”)
Nama Produk : Insurans Jentera Dan Peralatan

1. Apakah Produk ini?

Polisi ini melindungi mesin atau peralatan static dan komersil peralatan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kebakaran dan Kilat
- Kecurian
- Kerosakan Luar kerana Kemalangan/Tidak Sengaja

Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan pihak kami dan jumlah diinsurankan bagi harta tersebut.

Jumlah Diinsurankan : RM _____
 Kadar dikenakan : _____%

Jumlah premium teranggung yang anda perlu bayar ialah : RM _____

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
• Komisen yang dibayar kepada agen insurans	• 25% daripada premium
• Setem Duti	• RM 10.00
• Cukai Perkhidmatan	• 6% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan
 - **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. **Anda juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran di buat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.**

- Anda harus mengambil segala langkah pencegahan yang biasa dan munasabah untuk menjaga keselamatan harta yang diinsurankan..

- Anda boleh memilih menginsuranskan harta anda berasaskan dasar Nilai Pasaran atau Nilai Pengambilan Semula, yang mana termasuk FI Akitek, Penyelarasan dan Perundingan, kos pengalihan debris (puing) dan mematuhi sebarang Peraturan Bangunan atau Undang-undang Kecil Semasa (seperti menyerahkan plan untuk diluluskan):-
 - Dasar Nilai Pasaran – pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang rugi atau rosak setelah ditolak amaun susut nilai.
 - Dasar Nilai Pengambilan Semula – pihak kami akan membayar kos penuh untuk pembaikan harta yang rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengambilan semula harta tersebut.
- Sekiranya jumlah yang diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku (contohnya insurans terkurang), anda dianggap harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya.
- Lebihan sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami menanggung rugi anda.
- Insurans ini tertakluk kepada 60 hari warranti premium, contoh:- premium mesti dibayar dan diterima dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan polisi. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans adalah berhak terhadap premium pro-rata dalam tempoh mereka menanggung risiko.

6. Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?

Polisi ni tidak melindungi kerugian, kemusnahan atau kerosakan:

- Berpunca atau disebabkan oleh:
 - a) Keausan dan keusangan, susut nilai, beransur-ansur buruk, berkulapuk, gegat, binatang perosak atau mana-mana proses pembersihan, pencelupan, pembaikan, pengembalian atau pembaikpulihan;
 - b) Kerosakan atau gangguan mekanikal atau elektrik
 - c) Gores atau kemik pada mana-mana barang atau rekahan pada kanta atau kaca, tembikar, barang tembikar, marmar, piring hitam peti nyanyi atau barang yang mudah pecah, melainkan disebabkan oleh rompakan, kecurian atau kebakaran.
 - d) Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi berupa perang (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
 - e) Dahagi, mogok, rusuhan, pergaduhan awam, kebangkitan tentera atau orang awam, pemberontakan, penentangan, revolusi, ketenteraan atau perampasan kuasa, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan, atau apa-apa kejadian atau penyebab yang menetapkan pengisytiharan atau penguatkuasaan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan.
 - f) Penyitaan atau pemilikan negara atau permintaan rasmi atau pemusnahan atau kerosakan harta di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai produk insurans Jentera dan Peralatan atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.allianz.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena



Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542

E-mel: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

- Polisi Semua Risiko
- Polisi Pecah Masuk
- Polisi Jaminan Setia
- Polisi Kaca
- Polisi Peralatan
- Polisi Wang

NOTA PENTING :

ANDA HARUS MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA INSURANS AND ATAU HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 05/03/2020.